

Raja Perempuan Perlis dikurnia anugerah tertinggi Perlis

nm/185-16/01/21A/05 -- Sosial

ARAU 17 Mei - Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid dikurniakan anugerah tertinggi iaitu **Darjah Kerabat Diraja Perlis (DKP)** sempena Ulang Tahun Keputeraan Ke-73, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail hari ini.

Tuanku Tengku Fauziah menerima anugerah itu dalam majlis Istiadat Penganugerahan Khas di Balai Penghadapan Istana Arau di sini.

Dalam majlis berasingan, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Chen Chaw Min mendaului 37 senarai penerima darjah kebesaran iaitu anugerah Darjah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Ia diikuti Pengarah Kejohanan Rali Asia Pasifik (APRC), Tengku Shaharin Abu Bakar Tengku Suleiman yang menerima anugerah Darjah Datuk Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (DSSJ), membawa gelaran Datuk Paduka.

Dalam pada itu, seramai tujuh individu menerima Darjah Datuk Paduka Mahkota Perlis (DPMP) membawa gelaran Datuk yang diketuai Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, Datuk Hamdan Bahari; Pengarah Muzik Radio Televisyen Malaysia (RTM), Datuk Mokhzani Ismail; Pengarah Hospital Kuala Lumpur (HKL), Datuk Dr. Zaininah Mohd. Zain dan Panglima Wilayah Laut III Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Langkawi, Kedah, Laksamana Pertama Rosli Yoob.

Turut menerima anugerah tersebut ialah Panglima Operasi Latihan Markas Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Datuk S.S. Mahendra; Pengarah Gerak Khas di Jabatan Arah Ge-



TUANKU SYED SIRAJUDDIN PUTRA JAMALULLAIL dan Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid melihat pingat Darjah Kerabat Diraja Perlis sambil diperhatikan Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil di Istana Arau, Perlis, semalam. UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

rak Khas, Kementerian Pertahanan, Datuk Fadzil Tajudin dan Panglima 2 Briged, Datuk Mas'od Muhammad.

Dalam pada itu sebanyak 36 indi-

vidu dijadual akan menerima pingat Darjah Ahli Mahkota Perlis (AMP), 28 Pingat Mahkota Perlis (PMP), tiga Pingat Pekerti Terpilih (PPT); 66 Pin-

gat Jasa Kebaktian (PJK); 63 Pingat Jasa Baik (PJB) dan 17 Pingat Perkhidmatan Lama (PPL) dalam satu majlis yang akan ditetapkan kemudian.